

Che' Salmah,

Tolong gantikan dan sebarlah

Ucapan ADHO

10/11/72

560

179/80

Ucapan oleh Encik Hussein Onn,
Menteri Pelajaran, pada Upacara
Pembukaan Pamiran Antarabangsa
oleh Perusahaan Buku di Stadium
Negara, Kuala Lumpur, pada 9hb
November, 1972, pukul 5 petang.

Tuan Haji Sujak bin Rahiman, Pengerusi

Jawatankuasa Tahun Buku Antara Bangsa,

Encik Ghazali Yunus, Yang Di-Pertua,

Persatuan Penerbit-penerbit Buku Malaysia,

Tuan² dan puan.²

1. Y.A.B. Perdana Menteri, yang pada mula-mulanya dijadualkan untuk meresmikan pembukaan Pameran Perindustrian Buku Antarabangsa ~~untuk Tahun Buku Antarabangsa kali ini~~, telah meminta saya sampaikan ucapan dukacitanya kerana tidak dapat menunaikan upacara tersebut oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Beliau telah meminta saya mewakilinya dan saya menerima tugas ini dengan sukacitanya.

2. Pameran ini diadakan kerana merayakan Tahun Buku Antarabangsa dan dikelolakan oleh Persatuan Penerbit Buku Malaysia. Kementerian Pelajaran serta lain-lain Pertubuhan telah pun mengelolakan pameran-pameran buku dan seminar-seminar, pertandingan melukis poster dan pertandingan membaca pada tahun ini di-perengkat-perengkat sekolah, daerah dan negeri.

Tahun Buku Antarabangsa telah dicadangkan oleh UNESCO

yang percaya bahawa buku-buku itu memenuhi peranan penting dalam usaha mencapai matlamatnya dengan cara menyampaikan pengetahuan dan mendorongkan ^{filiran.} ~~idea.~~

3. Tema pameran ini ialah "BUKU UNTUK SEMUA".

Saya difahamkan bahawa lebih dari 20,000 tajok dari 14 buah negara ^{adalah} ~~sedang~~ dipamerkan. Selain daripada buku-buku itu, majallah-majallah, setem-setem pos dan lain-lain bahan pelajaran juga dipamerkan.

Ini semua bukan sahaja berguna kepada penuntut-penuntut, guru-guru dan pensyarah-pensyarah, tetapi juga orang-orang awam keseluruhannya.

4. Semenjak peperangan dunia yang sudah, dan terutama sekali selepas Kemerdekaan, dahaga ^{kepada} ~~untuk~~ pengetahuan dan pelajaran antara orang dewasa dan kanak-kanak kita telah sungguh mengemuncak. Kadar ^{kenal huruf} ~~orang-orang yang boleh membaca dan menulis~~ dinegara ini ialah antara yang tertinggi sekali di Asia.

Pada masa ini ada lebihkurang 2 juta kanak-kanak di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan universiti-universiti kita. Jumlah ini adalah makin meningkat tiap-tiap tahun dan akan terus meningkat. Kerajaan dan orang-orang ramai jua, tidak pernah ^{suggan} ~~engkar~~ dalam segala usaha untok anak-anak kita mendapatkan pelajaran yang seberapa baik yang boleh. Tidak akan ada Anak-anak kita ^{tidak akan} yang boleh tergencat dalam pelajaran mereka ^{disebabkan} semata-mata oleh kerana kemiskinan atau keturunan kaum.

5. Pentingnya buku-buku untuk maknusia adalah seperti daya ingatan untuk seseorang individu. Didalamnya termaktub sejarah bangsa kita, jumpaan-jumpaan yang kita perolehi, pengetahuan dan pengalaman yang telah terkumpul sejak zaman berzaman. Buku-buku itu menggambarkan keindahan dan penakjuban alam; ^{membantu} ~~bantu~~ kita dalam kesusahan, menyenangkan perasaan kita dalam saat-saat derita dan kesusahan, ^{menunjuk} ~~tukarkan~~ saat-saat lengang menjadi saat-saat gembira, ^{mamamahkan otak} ~~penuhi~~ fikiran kita dengan ^{fikiran-fikiran,} ~~idea-idea,~~

peranan yang besar. Saya yakin bahawa kedua-dua persatuan ini dan juga ejensi-ejensi lain akan ~~laksanakan~~ *mempromosikan nya* peranan

~~ini.~~ Saya sungguh gembira menyatakan bahawa persatuan ² ini *sepada Kementerian Pelajaran*

telah memberi kerjasama yang penuh dan timbangrasa *nya* yang

dapat diturunkan ~~telah menurunkan~~ harga-harga buku teks *sekolah rendah* /sebanyak 10%

pada tahun ini dan 10% lagi tahun hadapan. Kerajaan

dan khususnya Kementerian Pelajaran akan terus memberi

sokongan dan kerjasama kepada perusahaan buku.

7. Kerajaan telah mengambil langkah untuk

mengembangkan ~~menyambungkan~~ perkhidmatan perpustakaan-perpustakaan

awam dan sekolah. Perpustakaan Kebangsaan kita yang

sedang dirancangkan itu akan menjadi simbul penghargaan

yang kita berikan terhadap buku dalam usaha pembangunan

negara dan menubuhkan identiti kebangsaan kita. Oleh

kerana penggunaan Bahasa Malaysia makin berkembang,

penerbit-penerbit *hendaklah* ~~perlu~~ berusaha seberapa daya untuk

yang menterjemahkan buku-buku *sepada bahasa Malaysia* /dalam bahasa-bahasa lain/ dan


menbitkan semula (reprint) ~~terbitkan lagi~~ buku-buku *asal nya* yang ~~sudah pun sedia~~ dalam

~~asas~~
~~asas~~

Bahasa Malaysia ~~itu~~. Penulis-penulis tempatan patutlah digalakkan lagi untuk menulis dalam Bahasa Malaysia.

8. Saya sungguh gembira bahawa pada masa ini juga suatu persidangan Penerbit-penerbit Asia Tenggara akan diadakan di Kuala Lumpur, mulai esok. Negara di rantau ini mempunyai masalah-masalah yang hampir serupa mengenai penerbitan dan persidangan ini tidak shak lagi akan menjadi amat berguna terhadap ^{kerja-}kerjasama dalam lapangan ini. Saya berdoa agar persidangan ini akan berjaya dengan sepenoh-penohnya.

9. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Persatuan Penerbit-penerbit ^{Beker} (Malaysia kerana mengelolakan pamiran ini dan saya ucapkan selamat datang kepada penerbit-penerbit dari beberapa buah negara ^{yang} ~~dan~~ mengambil bahagian dalam ^{pamiran} ~~persidangan~~ ini. Sekarang, saya dengan segala sukacitanya mengisytiharkan pamiran ini dibuka.



Bahasa Melayu ini, terutama untuk tempatan

perlu digalakkan lagi untuk menulis dalam Bahasa

Melayu.

8. Saya sangat gembira bahwa pada masa ini

juga suatu perancangan Persekitaran Asia Tenggara

akan diadakan di Kuala Lumpur, mulai esok. Negara

di rantau ini mempunyai masalah-masalah yang hampir

serupa mengenai persekitaran dan perancangan ini tidak

anak lagi akan menjadi amat berguna terhadap kerjasama-

perjasama dalam lapangan ini. Saya berdesa amat per-

sidangan ini akan berjaya dengan seponch-penonnya.

9. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan

kepada Perastuan Persekitaran Persekitaran

menjelaskan pameran ini dan saya mengucapkan selamat

datang kepada persekitaran-persekitaran pada buah

negara dan mengambil bahagian dalam perancangan ini.

Sekarang, saya dengan segala sukacitanya mengesyorkan

pameran ini dibuka.



No. Siri	135
No. Penerimaan	135/80